

BERITA HARIAN

DATE:3/1/2010

Pemimpin BN mesti cari jalan perbetui parti: Dr M

Umno juga goyah kerana komponen dihimpit masalah dalaman

Oleh Azman Mahmood
azmanm@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Barisan kepimpinan Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu mengambil langkah segera dan memikirkan sesuatu yang positif bagi mengukuhkan lagi parti itu jika mahu BN terus relevan dan menjadi kerajaan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13 nanti.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pada pengamatannya, kedudukan Umno dan BN yang menempuh tahun baru ini amat sukar apabila banyak parti komponennya dihimpit masalah dalaman parti masing-masing.

Katanya, isu itu timbul kerana masalah kepimpinan yang tidak dapat diselesaikan dalam parti komponen BN, sekali gus memberi kesan kepada kekuatan Umno dan BN.

"Saya dapati seluruh BN ini (sedang) hadapi masalah

dan parti komponen juga mempunyai masalah termasuk Umno, MCA, Gerakan, PPP dan MIC.

"Ini (masalah dalam BN) adalah hasil daripada kepimpinan yang bukan daripada Datuk (Seri) Najib," katanya kepada pemberita selepas memberi ceramah Wacana Perdana bertajuk "Mahasiswa Melayu: Cabaran dan Masa Depan" pada Konvensyen Mahasiswa Melayu 2010 (KONMAM 2010) di Uni-

"Saya dapati seluruh BN ini (sedang) hadapi masalah dan parti komponen juga mempunyai masalah termasuk Umno, MCA, Gerakan, PPP dan MIC"

Dr Mahathir Mohamad

Bekas Perdana Menteri

versiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, semalam.

Konvensyen itu dianjurkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Khas UMT dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT dirasmikan oleh Naib Canselornya, Prof Dr Aziz Deraman.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas prospek Umno dan BN menghadapi tahun baru dalam mengukuhkan parti dan keyakinan rakyat terhadap parti itu.

Ditanya langkah yang perlu diambil sekarang dalam keadaan BN juga tidak lagi mempunyai majoriti dua pertiga dalam Parlimen dan tempoh pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata pemimpin BN perlu berfikir secara dalam mengenainya.

"Saya bersetuju dengan anda (wartawan) masa tak banyak dah...dua tahun lagi saya nak perbetui benda yang cukup kusut dari segi parti," katanya.

Menjawab pertanyaan seorang peserta konvensyen

mengenai kedudukan Malaysia sebagai negara maju menerusi Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata, beliau berkata untuk mencapai matlamat itu negara perlu mencapai pertumbuhan ekonomi pada tahap tidak kurang tujuh peratus setahun.

Bagaimanapun, katanya berikutan masalah ekonomi dunia yang tidak menentu sejak tiga tahun lalu, ia turut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau turut mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Mohamed Rahmat yang meninggal dunia di kediamannya kelmarin.

Katanya, Allahyarham adalah antara menteri dalam Kabinetnya yang sentiasa menjalankan tugas dengan baik dan sentiasa komited kepada tanggungjawabnya.

"Saya berasa terhutang budi kepada khidmatnya ketika dia jadi menteri dalam Kabinet saya dan juga ketika menjadi Duta Besar ke Indonesia," katanya.